

Al-Ma'unah cuba cetus huru-hara: PM

BH 20 JUL 2000
Oleh Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Sekumpulan tiga hingga lima anggota Kumpulan Perguruan Persaudaraan Ilmu Dalam Al-Ma'unah Malaysia (Al-Ma'unah) cuba menyerang sebuah kuil dan kilang arak bagi mencetuskan huru-hara, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Ketika mendedahkan perkara itu, Perdana Menteri berkata, anggota kumpulan berkenaan menggunakan senjata M16-203 yang dicuri dari kern Batalion 304 Askar Wataniah di Grik, Perak, untuk menembak kuil dan kilang arak itu.

Bagaimanapun, katanya, cubaan serangan itu tidak dilaporkan sebelum ini

Teks penuh wawancara di muka 27, 28, 29

kerana kerajaan mampu menanganinya dan tidak mahu rakyat bimbang terhadap keselamatan mereka.

"Mereka mempunyai rancangan lain dan tujuan mereka ialah untuk mencetuskan huru-hara dengan menembak sesuatu tempat yang akan menimbulkan keraguan bahawa negara kita ini selamat.

"Ada laporan bahawa mereka menembak sebuah kuil dan menembak kilang Carlsberg, tetapi mereka tidak tahu menggunakan senjata itu dengan berkesan," katanya dalam rancangan Wawancara Khas Bersama Perdana Menteri yang disiarkan serentak menerusi semua saluran televisyen tempatan, malam ini.

Wawancara selama sejam itu dipengerusikan Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar Universiti Malaya, Datuk Dr Firdaus Abdullah. Ahli panel lain ialah Ketua Pengerang Kumpulan Utusan Melayu, Datuk Khalid Mohd dan Pengurus Besar Kanan Berita dan Ehwal Semasa TV3, Chamil Wariya.

Perdana Menteri berkata, polis yang bertindak pantas berjaya mengenal pasti dan menangkap penjenayah trrbabit serta me-

Cubaan serangan itu tidak dilaporkan sebelum ini kerana kerajaan mampu metianganinya dan tidak mahu rakyat bimbang terhadap keselamatan mereka

nemui semula senjata berkenaan.

"Sebenarnya senjata itu ada di Sungai Petani," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir menyatakan bahawa beliau bimbang tindakan kumpulan Al-Ma'unah itu adalah permulaan kepada pemberontakan terancang

LIHAT MUKA 2

Perbuatan Al-Ma'unah bukan

DARI MUKA 1 BH 20 JUL 2000

yang mungkin menyebabkan banyak kematian apabila pertama kali diberitahu mengenainya.

Bagaimanapun, katanya, kebimbangan awal itu ternyata meleset apabila lebih banyak maklumat diperolehi selepas itu.

"Sekarang ini kita dapat mengenal pasti siapa yang melakukannya, apa tujuan mereka dan mungkin reaksi yang tidak menyenangkan, iaitu ada pihak yang cuba menimbulkan perasaan benci di kalangan orang bukan Islam kepada orang Islam.

"Ini berlaku di Sarawak, umpamanya, kita sedang mengawasi perkara ini kerana inilah yang kita amat takut," katanya.

Dr Mahathir menjelaskan, perbu-

atan kumpulan Al-Ma'unah itu bukan satu perjuangan jihad seperti yang mereka dakwa, tetapi keganasan yang boleh menjejaskan perpaduan kaum di negara ini.

Beliau turut menyelar pihak tertentu yang cuba mempertahankan tindakan ganas kumpulan itu yang membunuh dua anggota keselamatan dan menegakkan tindakan sedemikian juga adalah perbuatan jenayah yang boleh disabitkan kesalahan.

"Kita tidak boleh halalkan tindakan jenayah dengan berkata bahawa ini adalah jihad. Membunuh orang, menyiksa orang yang tidak membuat sesuatu apa pun kepada kita, bukanlah termasuk dalam pengertian jihad.

"Bagi kita, apabila kita cuba melengkapkan orang Islam dengan segala ilmu, segala kecekapan dan kepandaian supaya mereka

mampu mempertahankan umat Islam daripada dianiaya dan ditindas oleh orang yang bermusuhan dengan Islam seperti di Bosnia, di Kosovo dan lain-lain, itu adalah jihad," katanya.

Mengenai kepercayaan kumpulan itu kepada ilmu kebatinan, Perdana Menteri berkata mereka sebenarnya adalah pengecut dan bergantung kepada khayalan ilmu kebatinan untuk mencapai matlamat mereka.

"Tujuan mereka mempelajari ilmu ini adalah kerana mereka ingin berbuat sesuatu yang mereka tahu tidak boleh berjaya, tetapi mereka perlu kepada satu kuasa yang lebih yang luar biasa," katanya.

Ditanya dakwaan pembangkang kononnya rompak senjata itu adalah sandiwara kerajaan, Dr Mahathir berkata, tuduhan itu tidak masuk akal sama sekali kerana kerajaan tidak se-

perpangan jihad

kali-kali akan terbabit dengan perbuatan jenayah yang mengorbankan dua nyawa anggota pasukan keselamatan.

Perdana Menteri berkata, adalah mustahil bagi kerajaan merancang perbuatan itu kerana ia memerlukan kerjasama dengan penjenayah yang teramat sangat membenci kerajaan.

"Kalau kita nak suruh orang yang semacam ini membuat sesuatu untuk kerajaan, dia mestilah seorang penyokong kuat kerajaan yang betul-betul setia kepada kerajaan. Tetapi tidak ada bukti sama sekali bahawa mereka ini adalah penyokong kuat kerajaan.

"Sebaliknya, mereka bersimpati, ada tanda-tanda mereka bersimpati dengan parti lawan. Apakah orang daripada parti lawan akan mengorbankan diri mereka untuk kepentingan sandiwara kerajaan ini?"

"Ini bukanlah sesuatu yang boleh

dirancang oleh orang lain untuk dilakukan oleh orang lain. Ini adalah perbuatan orang itu sendiri," katanya.

Menjawab soalan, Perdana Menteri berkata, kerajaan juga tidak perlu merancang peristiwa itu sebagai justifikasi untuk melarang penggunaan Islam pada nama parti politik.

"Kita tidak perlu adakan pembunuhan untuk membuat justifikasi kepada tindakan itu. Saya fikir rakyat sedar mengenai keadaan yang sedang berlaku. Bermula sedikit saja tetapi sekarang sudah membesar sehingga menjadi satu masalah kepada kita.

"Kalau dulu penggunaan perkataan Islam pada parti itu tidak mempunyai banyak kesan kerana orang tahu ini parti politik, bukan agama. Tetapi ini sampai kepada satu tahap yang mana parti itu berkata ia adalah Islam, Islam itu adalah parti," katanya.